

NO. SOALAN: 445

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

RUJUKAN : 8044

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah Journey Performed (JP) Visa yang telah diluluskan oleh Menteri sendiri mengikut negara sumber dan tempoh 2004 hingga 2014.

JAWAPAN:

Untuk makluman, *Journey Performed* (JP) Visa dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sehubungan itu tiada kelulusan JP Visa oleh YB Menteri Dalam Negeri dari tahun 2004 hingga 2013.

JP Visa telah dimansuhkan oleh JIM pada 1 Oktober 2013 dan rayuan telah diterima oleh Kementerian Dalam Negeri. Kelulusan rayuan JP Visa untuk Pembantu Rumah oleh YB Menteri Dalam Negeri adalah sebanyak 4,319 bagi tempoh Januari 2014 hingga Disember 2014.